

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR DAN KEMPEN MAKAN SAMPAI**  
**HABIS**  
**PADA 21 MEI 2014, 3.00 PETANG**  
**DEWAN BAHARU, SMK CONVENT, BUKIT MERTAJAM**

---

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Pengetua SMK Convent Bukit Mertajam**

Puan Hjh Che Azizah Binti Ismail

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Guru-Guru SMK Convent Bukit Mertajam

Rakan-rakan media

Pelajar-Pelajar SMK Convent Bukit Mertajam

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

.....  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Petang kepada semua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana menjemput saya ke Majlis Pelancaran Sisa Sifar Dan Kempen Makan Sampai Habis pada petang yang berbahagia ini.

Hadirin sekalian,

Seperti yang anda sedia maklum, SMK Convent Bukit Mertajam telah bergiat aktif dengan menyertai Anugerah Sekolah Hijau sejak tahun 2010 lagi. Pada tahun 2011, 2012 dan 2013 sekolah ini juga turut dianugerahkan tempat kedua bagi kategori sekolah menengah. Tahniah saya ucapan kepada warga SMK Convent Bukit Mertajam kerana masih berusaha dengan berterusan menyertai anugerah ini dan kekal di tempat kedua bagi tiga tahun berturut-turut. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Saya juga turut difahamkan SMK Convent Bukit Mertajam akan menyertai Program Sekolah Cluster Cemerlang bagi Kategori Alam Sekitar menjelang tahun 2015. Melalui penyertaan dalam program ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan berusaha membantu sekolah ini untuk mencapai hasrat cemerlang dalam alam sekitar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Konsep Sisa Sifar yang lebih tepat adalah merupakan satu matlamat yang kukuh dan berwawasan untuk mengajak manusia mencontohi kitaran alam semulajadi di mana semua bahan buangan adalah sumber untuk kegunaan lain. Pelaksanaan konsep ini bermakna kita akan mengurangkan pembuangan sisa buangan ke alam semulajadi/tapak pelupusan sampah.

Secara mudah konsep ini mengajak kita supaya memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

Untuk makluman semua, jumlah sekolah yang terlibat dalam Program Sisa Sifar adalah sebanyak 32 buah. Program sisa sifar bukan sahaja melibatkan peringkat sekolah tetapi juga di komuniti. Sehingga kini, sebanyak 10 buah komuniti terlibat dalam Program Sisa Sifar.

Dengan pelaksanaan program sisa sifar dan aktiviti kitar semula, ia membantu MPSP untuk mencapai tahap kadar kitar semula sebanyak

34.71 % sehingga April 2014. Ini telah membantu MPSP menjimatkan RM 1,522,535.39 bagi tempoh empat bulan.

Daripada jumlah kadar kitar semula, purata 42 % ataupun 31,656.68 tan adalah sisa organik yang membantu MPSP jimat RM 639,464.86 kos pengurusan sisa organik dan dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung.

Pelaksanaan Program Sisa Sifar juga boleh membantu mengurangkan lalat, lipas, anjing kerana tiada makanan yang dibuang ke dalam tong sampah mengelakkan haiwan-haiwan seperti anjing dan kucing menyelongkar tong sampah untuk mendapatkan makanan. Dengan ini alam sekeliling juga akan bertambah bersih dan sihat. Selain dari itu, jika kita meninjau apa yang terdapat di dalam tong sampah kita, boleh dapti ada sisa seperti nasi, ikan , sayur, dan daging dalam tong sampah tersebut. Sisa makanan ini akan dibawa dan dilupuskan di tapak pelupusan sampah di Pulau Burung yang seterusnya akan mengakibatkan pemanasan global. Hal ini terjadi kerana sisa makanan atau organik akan menjana gas metana (CH<sub>4</sub>) iaitu 21 kali lebih bahaya dari Karbon Dioksida (CO<sub>2</sub>). Oleh itu, kita perlu bekerjasama mengurangkan penjanaan sisa organik khususnya di sekitar kawasan kediaman kita ke tapak pelupusan.

Oleh itu, Saya menyeru kepada pihak sekolah agar dapat menerapkan nilai-nilai hijau di kawasan persekitaran sekolah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu menjadikan “Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang” terutamanya di kawasan Seberang Perai. Para pelajar dan guru-guru juga digalakkan untuk menjalankan program sisa sifar dan program hijau di taman perumahan masing-masing.

Untuk pengetahuan warga dewan sekalian, Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada 5 Jun 2013 yang lalu adalah bertemakan *Think, Eat, Save – Reduce your foodprint*. Menurut kajian United Nations Environment Programme (UNEP), lebih dari satu bilion tan makanan hilang atau telah dibazirkan setiap tahun. Fokus utama sambutan ini adalah untuk mengurangkan pembaziran dalam proses pengeluaran dan penggunaan terutamanya yang dihasilkan pengguna.

Hadirin yang dimuliakan,

Sempena dengan Pelancaran Sisa Sifar, Kempen Makan Sampai Habis sangatlah bersesuaian bagi mengurangkan pembaziran. Di sini saya ingin menyeru pelajar-pelajar untuk memikir dahulu sebelum membeli / mengambil makanan di kantin untuk mengurangkan penghasilan sisa organik. Budaya 4R iaitu *Rethink, Reduce , Reuse, and Recycle*

hendaklah diaplikasikan sebagai budaya harian kita untuk menjayakan Sisa Sifar.

Kita hanya mempunyai satu sahaja planet untuk kita diamai iaitu bumi, jadi kita haruslah bersama-sama menjaga dan menyayanginya untuk kesejahteraan hidup masa kini dan generasi akan datang kerana jika kita rosakkan bumi ini, tiada lagi planet atau tempat lain yang boleh kita hidup bersama keluarga dan menjalankan aktiviti sehari-hari seperti mana sekarang.

Bagi sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini pula, tema yang telah ditetapkan ialah “ Raise Your Voice and Not Sea Level ”. Oleh itu , saya menyeru semua warga dewan sekolah ini termasuk diri saya sendiri untuk bekerjasama mengurangkan kepanasan global dengan mengkompos sisa organik atau menjana biogas dan mengurangkan penghasilan sisa organik yang boleh menjana gas metana.

Akhir kata, dengan mengamalkan Kempen Sisa Sifar dan Makan Sampai Habis ini , pengeluar atau pengguna bukan sahaja membantu memelihara alam sekitar malah memperolehi manfaat dalam bentuk penjimatan kos operasi atau harian. Walaupun kita tidak dapat memberikan sumbangan yang besar kepada bumi kita namun dengan

menyertai program ini sebenarnya ia merupakan titik tolak kita untuk mengekang pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada tabiat pembaziran yang dilakukan.

Dengan ini,saya merasmikan Majlis Pelancaran Sisa Sifar dan Kempen Makan Sampai Habis, SMK Convent Bukit Mertajam.

Sekian, saya sudahi ucapan pada petang ini dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.